

1. KPT siasat pendedahan rasuah babitkan penuntut IPT

DATUK Seri Idris Jusoh. - Foto Mohamad Shahril Badri Saali

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan menyiasat dakwaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berlakunya kegiatan rasuah dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dan pensyarah.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata kementerian itu akan memastikan bahawa pelajar-pelajar yang didakwa terlibat itu adalah mereka yang masih dalam program pengajian.

"Apabila dikatakan ada mahasiswa yang terlibat, ada yang dah keluar universiti (tamat pengajian). Jadi apa juar aduannya, saya nak pastikan mereka yang terlibat ni masih di dalam pengajian," katakanya ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamsun Baharin Mohd Jamil, sebelum ini mendedahkan adanya pelajar IPT yang sanggup memberikan habuan kepada pensyarah bagi mendapatkan markah tinggi dan lulus peperiksaan.

Beliau bagaimanapun berkata jumlah mereka yang terlibat dalam kegiatan itu adalah kecil.

Sementara itu, menjawab soalan mengenai status pembiayaan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (Phd) oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang dikatakan telah dihentikan, Idris berkata beliau akan menyiasat hal berkenaan dengan agensi itu.

Perkara itu dibangkitkan oleh wartawan berikutnya aduan yang mendakwa dimaklumkan oleh pihak MARA bahawa agensi itu tidak lagi membayai program pengajian Phd ke luar negara tetapi hanya program peringkat diploma di dalam negara.

"Selain MARA dan MyBrain, kita juga ada skim latihan akademik, skim geran penyelidikan dan banyak lagi badan lain yang mengeluarkan biasiswa untuk Phd," katanya.



Khamis, 3 November 2016

2. Pengetua didakwa salah guna kuasa



NORLIZA mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam, terhadap tiga pertuduhan salah guna kuasa membabitkan pembekalan peralatan untuk aktiviti sekolah bernilai RM6,591.65, awal tahun ini. - Foto Mohd Asri Saifuddin Mamat

SHAH ALAM: Seorang pengetua sekolah menengah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, terhadap tiga pertuduhan salah guna kuasa membabitkan pembekalan peralatan untuk aktiviti sekolah bernilai RM6,591.65, awal tahun ini.

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Perempuan Raja Zarina, Pelabuhan Klang, Norliza Mat Radzi didakwa mengikut Seksyen 23 (1), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009, dengan menggunakan jawatannya, memilih syarikat Orean Collection miliknya, untuk membekalkan alat bantuan mengajar berjumlah RM2,061.65.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di premis sekolah berkenaan pada 12, 17 dan 19 Februari lalu.

Tertuduh turut didakwa melakukan salah guna kuasa, menggunakan syarikat sama untuk membekalkan tuala kecil bagi program 'Selamatkan Bumi Kita' bernilai RM500 pada 30 Mac lalu.

Dia juga didakwa melakukan kesalahan sama pada 13 April lalu menggunakan Orean Collection untuk membekalkan lima hamper, set fail dan alat tulis, medal perasmian serta dokumentasi bagi program Perkhidmatan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) 2016 bernilai RM4,000.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) ASPRM 2009 iaitu penjara tidak lebih 20 tahun dan didenda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Hakim Rozilah Salleh menetapkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin dan 2 Disember sebagai tarikh sebutan semula.



Ahad, 6 November 2016

3. 73 individu terbabit rasuah ditahan di Sarawak



DATUK Badrul Shah Norman (kanan) menyampaikan cendera hati kepada Pengarah APMM Sarawak, Laksamana Pertama Ismaili Bujang Pit.

KUCHING: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seramai 73 individu di negeri ini sepanjang tempoh Januari hingga 5 November ini.

Daripada jumlah itu, seramai 23 adalah penjawat awam dengan empat adalah dari kumpulan pengurusan dan profesional.

Pengarah SPRM Sarawak, Datuk Badrul Shah Norman berkata, 19 orang lagi yang ditahan itu adalah dari kumpulan sokongan, 21 orang penguatkuasa.

"Selain itu seramai 33 lagi yang ditahan bersabit rasuah dan penyelewengan tahun ini adalah orang awam dan kakitangan syarikat swasta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Intergriti Bersama Ketua Jabatan dan Media Sarawak, di sini, malam ini.

Badrul Shah berkata, setakat November tahun ini, pihaknya menerima sebanyak 300 aduan berkaitan kegiatan rasuah.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 79 kertas siasatan dibuka sehingga membawa kepada 73 tangkapan seterusnya 42 pertuduhan dilakukan setakat ini," katanya.



Rabu, 9 November 2016

4. LKIM komited tangani masalah diesel bersubsidi



Pengerusi LKIM, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim.

KUALA LUMPUR: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memandang berat teguran Jawatan Kuasa Kira-kira (PAC) dan akan bekerjasama dengan agensi berkaitan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menangani masalah ketirisan subsidi diesel.

Pengerusi LKIM, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim, berkata LKIM mula melaksanakan dan memantau Skim Diesel Bersubsidi untuk nelayan di Semenanjung Malaysia pada 1 Januari 2006 dan enam bulan kemudian di Sabah dan Sarawak.

"LKIM bertanggungjawab memantau pelaksanaan operasi Jualan Diesel dan Petrol Bersubsidi oleh Persatuan Nelayan di Pusat-pusat Jualan.

"Beberapa penambahbaikan dilaksanakan oleh LKIM untuk menangani ketirisan bekalan, antaranya menukar penggunaan kad E-Diesel kepada hanya penggunaan kad pengenalan pemilik bot untuk pembelian minyak diesel dan menetapkan lori pengangkut hanya dari Syarikat pembekal minyak saja dan tiada pemilik persendirian," katanya menerusi kenyataan media.

Semalam PAC meminta peranan LKIM sebagai agensi yang bertanggungjawab memberi diesel bersubsidi kepada nelayan dikaji semula.



Selasa, 15 November 2016

5. TPPA atau tidak, Malaysia komited perkukuh hubungan dengan AS

KUALA LUMPUR: Malaysia akan terus komited untuk memperkuuh hubungan ekonomi dan perdagangan dengan Amerika Syarikat (AS) dan negara lain yang terbabit dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), sama ada perjanjian itu akan dilaksanakan atau sebaliknya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata walaupun negara yang terlibat dalam TPPA menyedari pandangan yang disuarakan oleh Donald Trump, yang dipilih sebagai Presiden, masih terlalu awal untuk membuat sebarang keputusan mengenainya, sebelum beliau (Trump) memulakan tugas.

Dalam kedudukan semasa, TPPA tidak boleh dilaksanakan tanpa pembabitan AS, katanya semasa ditanya reaksi Malaysia jika AS gagal mengesahkan TPPA dan sama ada Malaysia akan bersetuju untuk merundungkannya semula.

Oleh itu, ia bukan persoalan sama ada atau tidak Malaysia - atau negara lain - masih boleh meneruskan dengan pengesahan terbabit.

"Sama ada TPPA diteruskan atau tidak, kita terus komited untuk memperkuuh hubungan ekonomi dan perdagangan dengan AS, dan negara lain yang terlibat," kata Najib, yang juga Menteri Kewangan kepada Nikkei Asian Review (NAR) dalam jawapan bertulis menjelang lawatan rasmi tiga harinya ke Jepun mulai hari ini.

Lawatan ini adalah atas jemputan rakan sejawatannya Shinzo Abe.

Mengenai hubungan Malaysia dengan China, terutama pengukuhan hubungan ekonomi dan pertahanan, beliau berkata hubungan dua hala telah mencapai tahap baharu dan trend itu akan berterusan.

"Ini tidak mengejutkan memandangkan China merupakan rakan dagang terbesar kami dengan menyumbang lebih 15 peratus dagangan kami di luar sempadan."

Namun, hubungan Malaysia dengan mana-mana negara tidak membelakangkan hubungan dengan negara lain.

"Dan sejauh mana yang melibatkan Amerika Syarikat, ia merupakan hubungan yang kami utamakan. Sesungguhnya ini dicerminkan menerusi peningkatan hubungan dua hala menerusi perkongsian komprehensif pada 2014," katanya kepada NAR semasa ditanya sama ada Malaysia akan menimbang semula hubungannya dengan AS.

"Kami telah bekerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk ekonomi, perdagangan, keselamatan dan pertahanan - dan berharap meningkatkan lagi hubungan kami di bawah kepimpinan presiden Trump," kata Najib.

Mengenai landasan kereta api laju (HSR) yang menghubungkan Kuala Lumpur ke Singapura, Perdana Menteri berkata Malaysia sangat teruja mengenai projek itu dan komited terhadap proses pemilihan yang kompetitif, objektif dan telus dalam bentuk tender awam bagi mencari sistem kereta api terbaik.

Perkhidmatan projek infrastruktur yang dirancang antara Kuala Lumpur dan Singapura itu merupakan projek infrastruktur terbesar yang pernah dilaksanakan oleh negara kami.

Putrajaya dan Singapura dijangka menandatangani perjanjian dua hala pada 5 Disember bagi pembangunan HSR, yang dijangkakan mengurangkan masa perjalanan antara Kuala Lumpur dan negara kepulauan itu dalam tempoh 90 minit.

"Rekod keselamatan, kebolehpercayaan dan kecemerlangan sistem Shinkansen (kereta api laju Jepun) memastikan ia boleh menjadi peserta kompetitif dalam proses pembidaan," katanya.

Mengenai tujuan lawatan beliau ke Jepun, Najib berkata selain memperkuuh hubungan dua hala, beliau juga komited untuk meningkatkan aliran masuk perdagangan dan pelaburan, terutama dalam bidang seperti inovasi dan teknologi canggih, kemahiran berteknologi tinggi dan pembangunan perkhidmatan serta tenaga boleh baharu

6. Wan Azizah alih tumpuan rakyat kes Rafizi

KUALA LUMPUR: Kenyataan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, menggesa Laporan Ketua Audit Negara mengenai 1MDB dikelaskan semula sebagai dokumen bukan rahsia rasmi, bertujuan untuk mengelirukan rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata Wan Azizah mengutarakan semula isu itu untuk mengalih perhatian rakyat mengenai hukuman dikenakan terhadap Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli kerana mendedahkan dokumen rahsia rasmi.

"Kenyataan Ketua Pembangkang jelas menunjukkan beliau tidak faham peruntukan undang-undang, termasuklah status penubuhan 1MDB yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, bukannya satu badan awam," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Semalam, Rafizi dijatuhi hukuman penjara 18 bulan selepas didapati bersalah atas dua tuduhan memiliki dan mendedahkan satu halaman muka surat 98 Laporan Pengauditan 1MDB.

Azalina berkata, PAC sebagai jawatankuasa bersifat bipartisan, mengemukakan permintaan kepada Jabatan Ketua Audit Negara (JAN) dan Perdana Menteri, sebelum mengarahkan Ketua Audit Negara mengesahkan secara bebas akaun 1MDB.

Beliau berkata, laporan Ketua Audit Negara mengenai 1MDB dibincangkan PAC sebelum memuktamadkan laporan dan dibentangkan di Parlimen pada 7 April lalu.

"Ahli Parlimen pembangkang yang menganggotai PAC mempunyai akses sepenuhnya kepada Laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan PAC. Tiada keperluan untuk 1MDB dikelaskan semula sebagai dokumen bukan rahsia rasmi.

"Keadaan ini sama seperti meminta kertas siasatan dijadikan sebagai dokumen bukan rahsia rasmi setelah pendakwaan dan hukuman dikenakan," katanya.

Azalina menyifatkan kenyataan Wan Azizah sebagai mempersoalkan kredibiliti PAC, termasuk Ahli Parlimen pembangkang yang menganggotainya.

7. RM8.01b untung sebelum cukai PETRONAS

KUALA LUMPUR: PETRONAS mencatat keuntungan sebelum cukai RM8.01 bilion pada suku ketiga berakhir 30 September 2016, berbanding RM3.90 bilion, yang dicatatkan bagi tempoh sama tahun lalu.

PETRONAS dalam satu kenyataan, hari ini berkata, prestasi memberangsangkan itu disebabkan penurunan nilai bersih bagi aset yang lebih rendah, kos operasi lebih baik dan harga purata bagi kebanyakan produk lebih tinggi, namun sebahagiannya diimbangi dengan jumlah jualan yang lebih rendah bagi produk utama.

Kenyataan itu menyebut, pendapatan PETRONAS bagaimanapun susut sebanyak 19 peratus kepada RM48.74 bilion berbanding RM60.06 bilion, yang dicatatkan bagi tempoh sama tahun sebelumnya.

Kejatuhan pendapatan disebabkan jumlah jualan lebih rendah susulan penurunan trend dalam harga penanda aras utama, ditambah pula impak produk petroleum dan minyak mentah yang lebih rendah.

Bagi tempoh sembilan bulan dikaji, keuntungan sebelum cukai PETRONAS susut kepada RM18.1 bilion daripada RM35.4 bilion yang direkodkan bagi tempoh sama tahun sebelumnya berikutan pendapatan lebih rendah.

Pendapatan syarikat minyak negara itu menurun sebanyak 22 peratus kepada RM146.3 bilion daripada RM187.5 bilion sebelumnya.

Syarikat itu berkata, aliran tunai daripada aktiviti operasinya susut daripada RM51.2 bilion kepada RM36.1 bilion, atau 29 peratus berbanding tahun lalu ekoran pendapatan lebih rendah yang dicatatkan bagi tempoh dikaji disebabkan trend penurunan dalam harga minyak.

8. Pengurusan air di Sabah tak memuaskan - Audit

KOTA KINABALU: Pengurusan kawal selia air di Sabah "kurang memuaskan", menurut Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2 hari

ini.

Dalam pada itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata pihaknya sedang meneliti kelemahan dalam amalan, sistem dan prosedur Jabatan Air Negeri Sabah bagi tujuan penambahbaikan proses kerja khusus berkaitan perolehan kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur.

"Usaha ini bagi menutup ruang dan peluang daripada berlakunya rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam pelaksanaan projek-projek JANS," kata SPM dalam satu kenyataan.

Bulan lalu, SPM menahan pengarah dan timbalan pengarah JANS dan merampas lebih RM114.5 juta setakat ini.

Laporan Ketua Audit Negara itu menyebut audit dijalankan antara bulan Mac 2016 hingga Julai 2016 yang mendapati, antara lain, pembinaan empangan belum dilaksanakan kerana menunggu pihak kejuruteraan.

Selain itu, katanya, kajian keperluan air juga tidak dilaksanakan di peringkat daerah untuk menilai kesediaan air berbanding keperluan air.

Menurut laporan berkenaan, bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, Bahagian Sumber Air telah diperuntukkan sejumlah RM680,000 untuk mengurus dan sebanyak RM560,000 atau 82.53 peratus telah dibelanjakan.

Laporan itu menyarankan agar satu badan kawal selia air ditubuhkan bagi memastikan pengurusan kawal selia air dijalankan dengan cekap dan teratur.

"JPS hendaklah mempercepatkan proses pewartaan bagi memastikan kawasan tadahan air sentiasa dilindungi serta menguatkuasakan pelesenan bagi menjana hasil dan memantau aktiviti air," menurut laporan itu.



Isnin, 21 November 2016

9. KWSP catat pendapatan RM12.32b suku ke-3



KETUA Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan. - Foto Abdullah Yusof

KUALA LUMPUR: Pendapatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) meningkat sebanyak 29.21 peratus kepada RM12.32 bilion dalam suku ketiga yang berakhir pada 30 September, 2016, daripada RM9.54 bilion yang dicatatkan dalam suku yang sama tahun lalu.

Aset pelaburan meningkat 4.09 peratus atau RM27.98 bilion kepada RM712.50 bilion daripada RM684.52 bilion yang dicatatkan pada 31 Disember 2015.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, berkata prestasi bertambah baik dalam suku ketiga 2016 itu disebabkan oleh asas rendah.

"Pelaburan luar negara kami pada suku tahun itu terus meningkatkan pulangan manakala rugi terjejas pula mencatatkan penyusutan yang ketara dari tahun lepas," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pada Suku-3 2016, rugi terjejas meningkat kepada RM349.59 juta, daripada RM1.02 bilion yang dicatatkan dalam suku tahun yang sama tahun lepas.

Ekuiti, yang merangkumi 41.24 peratus daripada pelaburan aset menyumbang RM7.02 bilion, mewakili 56.96 peratus daripada jumlah pendapatan pelaburan untuk suku ini.

Ini adalah peningkatan sebanyak 49.02 peratus daripada RM4.71 bilion yang dicatatkan dalam suku yang sama pada 2015.

Peningkatan pendapatan pelaburan dalam suku ketiga tahun ini disumbang oleh pemuliharan harga ekuiti, terutamanya di pasaran Asia Utara dan negara membangun, yang memberi peluang kepada KWSP untuk merealisasikan pendapatan perniagaan lebih tinggi, kata Shahril.

Pada September 2016, 49.76 peratus daripada aset pelaburan KWSP adalah dalam instrumen pendapatan tetap.

Dalam suku ketiga, pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap mencatatkan pulangan sebanyak RM4.52 bilion, iaitu 36.65 peratus daripada pendapatan pelaburan suku tahun.

Pendapatan daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) meningkat 7.21 peratus kepada RM1.95 bilion daripada RM1.82 bilion pada Suku-3 2015, manakala bon dan pinjaman menjana pulangan pelaburan sebanyak RM2.56 bilion, berbanding RM2.54 bilion pada suku-3 2015.

Pada masa hadapan, Shahril berkata kos KWSP bagi pelaburan luar negara akan meningkat memandangkan pelaburan dilakukan pada kadar tukaran asing yang lebih tinggi.

"Persekitaran kadar faedah yang rendah juga dijangka menurunkan pulangan daripada pelaburan pendapatan tetap kerana bon yang matang akan dilaburkan semula pada kaedah rendah.

"Memandangkan penyusutan pendapatan pelaburan pada setengah tahun pertama serta ketidaktentuan yang dijangka kekal sehingga hujung tahun ini, keadaan akan menjadi lebih mencabar bagi KWSP untuk mengekalkan prestasi pulangan tahun-tahun lepas," katanya. -

10. Isu pembayaran balik GST hampir selesai

KUALA LUMPUR: Isu bayaran balik khas Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kini hampir selesai dan akan ditambah baik dari semasa ke semasa selaras dengan syarat ditetapkan di bawah sub-seksyen 190(1), Akta GST.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz, mengakui sememangnya wujud kesulitan dari segi pelaksanaan bayaran balik pada peringkat pelaksanaan GST pada April tahun lalu.

Namun bermula tahun ini, katanya, masalah yang berkenaan, kebanyakannya berkaitan proses dokumentasi, sudah diselesaikan secara berperingkat oleh agensi pelaksana iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

"Kena faham GST adalah sistem percukaian yang baru setahun dilaksanakan, mesti ada kelemahan pelaksanaan pada peringkat awal seperti cara mengisi borang dan pengesahan dokumentasi, ini yang menyebabkan kelewatan sering berlaku.

"Laporan Jabatan Audit yang dikeluarkan hari ini (semalam) mengenai kelewatan ini adalah merujuk kepada beberapa kes tahun lalu dan awal tahun ini. Namun ketika ini, sebenarnya ia sudah mula berkurang secara mendadak," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau hadir merasmikan Program Pembangunan Usahawan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dengan kerjasama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).

Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2 yang dikeluarkan semalam menyebut berlaku beberapa kelemahan pengurusan pembayaran balik khas GST yang kurang cekap seperti proses menyemak dan meluluskan jumlah tuntutan yang kurang teliti.

Dalam tempoh pengauditan yang dijalankan antara Oktober 2015 dan Januari 2016, laporan itu juga menyebut berlaku kesilapan pengiraan amaun yang diluluskan membabitkan RM570,000 untuk 13 kes (3.7 peratus) daripada 346 sampel yang diaudit.

Sehingga 31 Mei 2016, sebanyak 1,863 (73.3 peratus) permohonan siap diproses manakala 677 (26.7 peratus) permohonan dengan tuntutan berjumlah RM555.86 juta masih belum siap diproses.

Othman juga berkata, kerajaan sentiasa berusaha melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera untuk menyertai pelbagai bidang perniagaan yang boleh membantu merancakkan ekonomi negara.

Antara usaha berkenaan adalah dengan memberi peruntukan dana pinjaman kepada agensi tertentu termasuk TERAJU, Majlis Amanah Rakyat serta Tekun, bagi membolehkan lebih ramai usahawan baharu dilahirkan.

Pada majlis itu, 75 syarikat termasuk usahawan terpilih menerima dana bantuan daripada Teraju bagi meningkatkan produktiviti perniagaan mereka seperti menambah hasil pengeluaran bagi tujuan pasaran dalam dan luar negara.



Isnin, 21 November 2016

11.4 projek DBKL lewat siap - Audit Negara

KUALA LUMPUR: Empat projek bagi tarikan pengunjung di ibu negara bernilai RM46.5 juta tidak siap mengikut jadual antaranya kerana pelantikan kontraktor yang tidak layak dan tidak berpengalaman, menurut Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2.

Projek Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang lewat disiapkan itu ialah Kerja Pengindahan KL Heritage Trail 1, Menghidupkan Semula Medan Pasar dan Dataran Merdeka bernilai RM18.58 juta.

Kerja pengindahan KL Heritage Trail 3 (RM11.52 juta); Kerja Meroboh Struktur Air Pancut Periuk Kera dan Membina Jam Kira Detik 2020 di Persimpangan Jalan Raja dan Jalan Parlimen (RM9.7 juta) serta Menaik Taraf Masjid Jamek (RM6.7 juta).

Menurut laporan yang dikeluarkan hari ini, ada projek yang lewat sehingga 482 hari manakala ada yang belum siap sehingga kini biarpun ia sepatutnya disiapkan pada bulan Ogos 2014.

Antara alasan yang diterima ialah kekerapan perubahan reka bentuk, kelewatan pengalihan kemudahan utiliti, dan banjir di tapak binaan.

Kesemua projek itu adalah projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Greater Kuala Lumpur/Klang Valley.

Bagaimanapun pihak Audit memuji DBKL bagi prestasi kewangan untuk keempat-empat projek tersebut yang memuaskan

12. Audit Negara tegur Pusat Akuatik Petra Jaya

PUSAT Akuatik Petra Jaya. - Foto Rudi Affendi Khalik

KUCHING: Walaupun Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 mengesahkan pelaksanaan projek pembinaan pusat akuatik di Kompleks Sukan Sarawak, Petra Jaya di sini adalah memuaskan, namun ia turut mengesahkan beberapa kelemahan seperti proses pengujian dan pentaluhan peralatan yang kurang memuaskan.

Laporan bagi tahun 2015 Siri 2 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini, turut menegur aspek perekodan aset serta inventori yang belum disiapkan sepenuhnya, dan peralatan elektronik serta sukan yang tidak disimpan dengan teratur.

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, ia mengesyorkan supaya Jabatan Kerja Raya Sarawak memastikan kontraktor mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dan kualiti kerja juga pada tahap piawaian yang ditetapkan.

Menurut laporan itu, proses pengujian dan pentaluhan perlu dijalankan dengan teratur serta memastikan semua peralatan mematuhi spesifikasi kontrak dan berfungsi dengan baik sebelum Sijil Penyiapan Praktikal (CPC) dikeluarkan.

Perbadanan Sukan Sarawak pula hendaklah memastikan semua aset dan inventori direkod, dilabelkan dengan betul dan disimpan dengan teratur bagi memudahkan pengesahan dan mengelakkan kerosakan.

"Jabatan Kerja Raya Sarawak dan Perbadanan Sukan Sarawak perlu memastikan segala kecacatan dan ketidakpatuhan spesifikasi kontrak dari segi pembinaan dan juga peralatan diambil tindakan sepenuhnya dalam tempoh tanggungan kecacatan," menurut laporan itu.

Pembinaan pusat Akuatik bernilai RM163.45 juta itu bertujuan menyediakan satu pusat akuatik bertaraf antarabangsa yang memenuhi piawaian Federation Internationale de Natation (FINA) di samping menganjurkan acara akuatik semasa Sukan Malaysia ke-18 (SUKMA) pada tahun 2016 dan Sukan SEA pada tahun 2017.

Pengauditan yang dijalankan antara Mac hingga Jun 2016 mendapati, pada keseluruhannya pelaksanaan projek itu adalah memuaskan dan menepati sasaran kerajaan Sarawak untuk menyediakan kemudahan latihan dan pertandingan acara akuatik terutamanya untuk SUKMA 2016, menurut laporan itu.

Sementara itu, laporan itu turut menyentuh pengauditan kerja-kerja pengubahsuaian dan pembaikan kemudahan pelabuhan di Tanjung Manis, kira-kira 130km dari sini, mendapati pengurusan projek kurang teliti, pengurusan perolehan kurang memuaskan, dan pembiayaan projek lewat dimuktamadkan; walaupun dari segi pemantauan dan pembinaan, ia adalah memuaskan.

Bagi membaiki kelemahan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang pada projek yang lain, laporan itu mengesyorkan supaya Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA/STIDC) dan perunding memastikan skop kerja dengan tepat bagi mengelak daripada perubahan dan tambahan skop kerja yang ketara yang boleh memberi kesan kepada jadual pelaksanaan projek.

Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) melalui anak syarikatnya Tanjung Manis Integrated Port Sdn Bhd (TMP), dilantik oleh kerajaan negeri untuk mengendalikan operasi pelabuhan pada 2009.

Laporan itu mengesyorkan supaya PUSAKA mematuhi prosedur perolehan kerajaan sedia ada dan memastikan projek yang dilaksanakan mematuhi prosedur perolehan dan mendapat kelulusan projek terlebih dahulu daripada pihak kerajaan negeri.

Menurutnya PUSAKA perlu memastikan perjanjian pinjaman mudah dimuktamadkan supaya tidak memberi implikasi kewangan kepada Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis.

Pada September 2012, Sarawak meluluskan cadangan projek pengubahsuaian dan pembaikan kemudahan pelabuhan bernilai RM88 juta yang akan dilaksanakan secara bayaran tertangguh, dan ia mula dilaksanakan pada Mac 2013, manakala CPC dikeluarkan pada Disember 2015.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 itu turut menyenaraikan kajian audit terhadap aktiviti Majlis Bandaraya Kuching Selatan; Majlis Perbandaran Padawan; dan Sejadu Sdn Bhd yang merupakan milik penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak.

Kajian audit turut dibuat ke atas Sarawak Computerisation Services Sdn Bhd, yang diperbadankan pada Mac 1991 dan ditukarkan namanya kepada Sarawak Information Systems Sdn Bhd (SAINS) Julai 1995, milik penuh kerajaan negeri Sarawak. - BERNAMA



Isnin, 21 November 2016

13. Kawal selia bekalan air Kelantan kurang memuaskan

KOTA BHARU: Pengauditan terhadap Jabatan Air Negeri Kelantan (JANK) mendapati sumber air mentah di negeri itu mencukupi namun pengurusan kawal selia air didapati kurang kerana beberapa kelemahan, demikian menurut Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

Dalam pengauditan yang dijalankan antara April dan Julai itu, kelemahan yang dikenal pasti termasuklah air yang keruh manakala tahap ferum dan aluminium dalam air pula didapati tinggi.

Peratusan pelanggaran parameter kekeruhan, ferum dan aluminium itu berpunca daripada aktiviti perlombongan dan tebus guna tanah di bahagian hulu sungai yang tidak terkawal, menurut laporan itu.

Kelemahan lain yang dikesan ialah kawasan sumber air belum diwartakan sepenuhnya, urusan pelesenan dan penguatkuasaan kurang memuaskan dan beberapa peruntukan dalam Enakmen Bekalan Air 1995 bertindih dengan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

Kelantan mempunyai empat lembangan sungai utama yang berkeluasan hampir 14,840 kilometer persegi dan 34 loji rawatan air (LRA) yang membekalkan air bersih kepada pengguna, menurutnya.

Menurut laporan itu, Kajian Sumber Air Negara mendapati kadar abstraksi sumber air bagi tujuan air minum daripada air sungai sebanyak 60 peratus atau 254.074 juta liter sehari manakala dari air bawah tanah sebanyak 40 peratus atau 176.342 juta liter sehari.

Pihak Audit mendapati jumlah air hujan yang tinggi di negeri itu iaitu purata 2,600 mm setahun, tidak disimpan dalam empangan, kolam takungan dan sebagainya kerana menurut rekod tiada empangan dibina bagi tujuan bekalan air minum pada masa kini sebaliknya, air hujan itu mengalir ke dalam sungai dan seterusnya ke laut.

Bagaimanapun, ada cadangan supaya lima projek pembinaan empangan pelbagai fungsi seperti bekalan air minum, pertanian, tebatan banjir dan hidro elektrik, dilaksanakan di tiga sungai iaitu Sungai Galas, Sungai Nenggiri dan Sungai Lebir.

"Pada pendapat Audit, JANK perlu melaksanakan kajian semula terhadap kuantiti sumber air mentah dan menyegerakan pembinaan empangan selaras dengan perubahan cuaca dan aktiviti pembangunan," menurut laporan itu. - BERNAMA



Rabu, 23 November 2016

14. 19 pegawai dikenakan tindakan tatatertib - KSN



KETUA Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa. - Foto Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Sebanyak 18 daripada 42 teguran punitif membabitkan 19 pegawai kerajaan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2 mempunyai asas untuk dimulakan prosiding tatatertib.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata selain itu, lapan teguran didapati tiada unsur penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaian pelaksana tugas tetapi memerlukan penambahbaikan sistem, manakala 16 teguran masih dalam siasatan.

"Satu hasil pengauditan akan disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iaitu skim penstabilan harga minyak masak membabitkan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi," katanya ketika berucap pada Sesi Bersama Media Susulan Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2 di sini, hari ini.

Ali berkata, semua penemuan itu adalah hasil siasatan Jawatankuasa Siasatan Khas yang ditubuhkan kerajaan susulan laporan audit berkenaan yang menyiasat 10 teguran punitif membabitkan enam kementerian.


Beliau berkata, secara keseluruhannya, terdapat 944 teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara 2015 Siri 2 iaitu 902 teguran pembetulan dan 42 teguran punitif membabitkan enam kementerian, lima badan berkanun Persekutuan dan lapan kerajaan negeri.

"Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sudah mengemukakan surat supaya Jawatankuasa Siasatan Dalaman ditubuhkan bagi menyiasat 32 teguran punitif membabitkan kerajaan negeri dan badan berkanun Persekutuan," katanya.



Khamis, 24 November 2016

15. Kelantan buka ruang SPRM siasat rasuah



KOTA BHARU: Kerajaan Kelantan sedia membuka ruang kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan berkaitan rasuah membabitkan EXCO negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob, berkata pihaknya bersikap terbuka kerana tidak mahu ada individu terbabit dengan rasuah.

"Kami menyanjung dan menyokong SPRM untuk menangani rasuah yang bertentangan dengan agama Islam.

"Kerajaan negeri akan bekerjasama dan memberi maklumat yang diperlukan termasuk dalam bidang percukaian, pembalakan dan hasil bagi memudahkan siasatan SPRM," katanya berucap pada Majlis Makan Malam Yayasan Anti Rasuah (YARM) Kelantan di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, Pengarah SPRM Kelantan, Datuk Moh Samsuddin Yusoff dan Pengurus YARM Kelantan, Datuk Wan Rosdi Wan Mat Rasik.

Ahmad berkata, mereka yang tidak amanah menggunakan bajet diperuntukkan Kerajaan Pusat dianggap mengkhianati rakyat.

"Bajet sepatutnya dibelanja 100 peratus tetapi hanya 50 peratus digunakan, maka ini adalah pengkhianatan kepada golongan memerlukan.

"Perkara ini tidak sepatutnya berlaku dan kerajaan negeri akan terus bersama SPRM memerangi rasuah," katanya.



Isnin, 28 November 2016

16. Kelewatan Kelulusan Pbt Punca 1bestarinet Tertangguh - Ytlc

The screenshot shows the official website for 1BestariNet, which is a joint initiative between the Ministry of Education (KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA) and YTL Communications SDN BHD. The banner headline reads: "PELAKSANAAN PROFIL BAHARU BANDWIDTH 1BESTARINET DI SEKOLAH-SEKOLAH 4G DI SELURUH SEMENANJUNG, SABAH DAN W.P. LABUAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA OLEH SYARIKAT YTL COMMUNICATIONS SDN BHD". It also mentions that the document applies to 4G schools and includes links for "SURAT KPM" and "PANDUAN PENGGUNA". Below the banner, there is a photograph of a person holding a tablet displaying educational content, with the text "Pendidikan melangkaui batas kebiasaan" and "Kaedah pembelajaran 'cloud' membolehkan pengajaran dan pembelajaran pada bila-bila masa dan dimana-mana jua".

KUALA

LUMPUR: Projek 1BestariNet menepati matlamat untuk membantu kanak-kanak memperoleh kemahiran pembelajaran abad ke-21 serta merapatkan jurang digital dan memperbaiki kehidupan

rakyat, terutama murid di kawasan luar bandar. YTL Communication Sdn Bhd (YTLC) dalam satu kenyataan berkata, projek itu membolehkan pihaknya menyediakan ketersambungan internet 4G ke 10,000 sekolah di negara ini termasuk di kawasan luar bandar untuk mewujudkan pendidikan yang saksama. "YTL benar-benar meyakini kelestarian nilai projek 1BestariNet dalam memberi manfaat penggunaan ICT bermula dari bilik darjah ke seluruh kawasan sekolah di Malaysia dengan pelaksanaan pembinaan stesen tapak yang dikenali menara telekomunikasi Sistem Penerima Bersepadu 1BestariNet (1BRIS) di lokasi strategik dalam kawasan sekolah yang terpilih," katanya.

Namun demikian, YTLC dalam kenyataan media memberitahu pelaksanaan ini tertunda seketika kerana kelewatan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kenyataan itu mengulas mengenai kebelakangan ini terdapat beberapa laporan media berkenaan kemajuan projek 1BestariNet dan peranan YTLC dalam melaksanakan projek terbabit. "Dalam Fasa 1 projek 1Bestari YTLC ditugaskan untuk membina menara 1BRIS agar liputan 4G dapat disediakan. Bagaimanapun pihak kami perlu mendapatkan persetujuan semua PBT terlebih dahulu dan mengakibatkan penangguhan berlaku.

"Selain itu, pembayaran sewaan perlu dibuat oleh pihak kami mengikut penggunaan plot tanah yang digunakan selepas pihak kami mempertimbangkan perjanjian yang dibuat dengan Kementerian Pendidikan sebelumnya," katanya. Sementara itu, YTLC juga secara sukarela menambah kandungan pembelajaran melalui kerjasama dengan penyedia kandungan bagi menyediakan kandungan tambahan yang ditawarkan menerusi Pembelajaran Maya Frog (Frog VLE).

"Melalui sambungan internet 4G ke sekolah di seluruh negara membolehkan platform Persekutaran Pembelajaran Maya Frog (Frog VLE) disediakan namun demikian penggunaan Frog VLE bergantung kepada beberapa faktor berbeza mengikut sekolah-sekolah tertentu, termasuk kepentasan menyesuaikan diri kepada teknologi itu.